

INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



KONSEP DAN FALSAFAH SASTERA ISLAM MENGIKUT PROFESOR DR ALI HASJMY

*CONCEPTS AND PHILOSOPHY OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO
PROFESSOR DR ALI HASJMY*

Adli Yaacob¹, Mirza Farzana Muhammad Fauzi²

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my
- ² Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

To cite this document:

Yaacob, A., & Fauzi, M. F. M. (2022). Konsep Dan Falsafah Sastera Islam Mengikut Profesor Dr Ali Hasjmy. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 57-69.

DOI: 10.35631/IJHPL.517005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kajian ini berkaitan dengan konsep sastera Islam yang digagaskan oleh Ali Hasjmy. Beliau merupakan tokoh ulama, sasterawan dan ahli politik di Aceh, Indonesia. Pengkhususan beliau adalah di dalam bidang intelektual dan menyandang jawatan sebagai Dekan Fakulti Dakwah IAIN Ar-Raniry Banda Aceh pada tahun 1968. Dalam karya-karya beliau, banyak menceritakan tentang peranan para sasterawan menerapkan unsur-unsur Islam dalam setiap karya mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Beliau juga banyak menceritakan tentang pengaruh Islam dalam karya-karya kesusteraan Indonesia. Dalam masa yang sama, beliau juga turut menjelaskan tentang pengertian Islam yang sebenar menurut pandangan ulama dan sarjana Islam. Beliau juga sangat menitik beratkan nafas Islam dalam setiap karya sastera dan mempunyai prinsip Islam yang tersendiri terhadap kesusteraan Indonesia.

Kata Kunci:

Karya Islam, Sastera Islam, Kesusteraan Indonesia, Nafas Islam, Sarjana Islam, Prinsip Islam

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

² Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Abstract:

This study is related to the concept of Islamic literature conceived by Ali Hasjmy. He is a leading scholar, writer, and politician in Aceh, Indonesia. His specialization is in the intellectual field and held the position of Dean of the Faculty of Da'wah IAIN Ar-Raniry Banda Aceh in 1968. His works mainly dwell on the role of writers in applying the Islamic elements in their works either directly or indirectly. He also explained significantly the influence of Islam in Indonesian literary works. At the same time, he also explained the true meaning of Islam according to the views of Islamic scholars. He also places great emphasis on the breath of Islam in every literary work and has its own Islamic principles in Indonesian literature.

Keywords:

Islamic Works, Islamic Literature, Indonesian Literature, Islamic Breath, Islamic Scholars, Islamic Principles.

Pengaruh Pemikiran Ali Hasjmy

Ali Hasjmy³ (seterusnya Hasjmy) merupakan tokoh besar yang mempunyai bakat dalam banyak bidang. Beliau dikenali sebagai ulama, sasterawan dan juga ahli politik. Beliau juga seorang budayawan di Indonesia. Antara bidang pemikiran Hasjmy:

Pemikiran Politik Kebangsaan

Pada tahun 1957, Hajsmy diminta oleh Kabinet Ali Sastromidjoyo ke-2 untuk menjawat jawatan sebagai gabenor Aceh yang pertama.⁴ Dia ditugaskan untuk menguruskan pemerintahan daerah dan memulihkan keamanan. Natijahnya, beliau berjaya mengatasi secara damai pemberontakan oleh Darul Islam pada tahun 1959.

Seterusnya, Hasjmy berpendapat bahawa budaya sebenar Aceh yang bertunggakkan agama Islam tidak menghalang penerimaan masyarakat Aceh terhadap Pancasila. Beliau berpendapat bahawa, semua rakyat Indonesia adalah di dalam satu rumpun, yang mana tidak ada perbezaan antara Pancasila dan Aceh. Ia memberi maksud secara jelas bahawa masyarakat Aceh tidak perlu 'alergi' dan seharusnya menerima Pancasila.

³ Ali Hasjmy ialah tokoh yang dikenali sebagai ulama, sasterawan dan ahli politik. Beliau dilahirkan pada 28 Mac 1941 di Aceh Darussalam. Nama penuh beliau ialah Muhammad Ali Hajsim dan juga mempunyai beberapa nama samaran yang digunakan sebagai nama pena bagi karya-karya beliau, seperti Al-Hariry, Aria Hadiningsun, dan Asmara Hakiki. Beliau merupakan anak kedua dari lapan adik-beradik. Ayah beliau bernama Teungku Hasyim iaitu pesara pegawai negeri. Hasjmy bernikah dengan Zurinah Aziz pada 14 Ogos 1941. Ketika itu, beliau berusia 27 tahun manakala isterinya 15 tahun. Mereka dikurniakan 7 orang cahaya mata. Ali Hasjmy menerima pendidikan pertamanya di Government Islandsche School Montasie Banda Aceh, iaitu sekolah dasar. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya pada peringkat menengah awal dan menengah atas di Madrasah At-Thawalib, Padang Panjang, Indonesia. Di sekolah itulah beliau dididik untuk bersemangat patriotik, cinta akan tanah air yang kuat dan semangat nasionalisme yang mantap. Seterusnya beliau mendapat pendidikan di Al-Jamiah al-Qism Adabul Lughah wa Tarikh Al-Islamiyyah (Perguruan Tinggi Islam, Jurusan Sastera dan Kebudayaan Islam) di Padang, Indonesia. Selepas beliau menamatkan pelajarannya di Padang, beliau berkhidmat sebagai guru di Aceh. Antara hasil-hasil karya beliau adalah Tanah Merah, Kisah Seorang Pengembala dan Dewan Sajak.

⁴ Fatayat Mauliza, Di ambil pada: 8 Mei 2019, *Konsep Dakwah Ali Hasjmy*, Academia, p8.

Selain itu, Hajsmy ialah seorang yang adil dan meraikan semua pihak. Beliau sangat berfikiran meluas dan strategis terhadap membaikpulih keadaan Aceh melalui pendamaian. Walaupun Aceh teguh dengan prinsip Islam dan masyarakatnya di dalam kelompok Islam, beliau tetap melantik kelompok nasionalis sebagai pemerintah kerana bagi beliau, kepentingan seluruh masyarakat harus dititikberatkan dan diraikan sebagai satu masyarakat majmuk. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Hajsmy ialah tokoh politik yang bersikap terbuka dan menerima perbezaan yang ada dengan meraikan semua masyarakat walaupun berbeza fikrah agama.

Pemikiran Keagamaan dan Kebudayaan

Pemikiran Ali Hasjmy selaras dengan budaya masyarakat Aceh, baik dari segi keIslamannya, sosial, mahupun politik. Pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Ketua Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh.⁵

Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh diwujudkan atas dasar untuk meningkatkan fungsi dan peranan lembaga adat agar selaras dan sesuai dengan perkembangan ketatanegaraan Republik Indonesia.

Lembaga Adat dan Kebudayaan banyak menganjurkan kegiatan-kegiatan melestari adat dan kebudayaan di Aceh ketika di bawah pimpinan beliau. Di dalam melesetarikan adat dan kebudayaan, beliau juga turut memperkenalkan unsur-unsur positif yang ada di dalam kebudayaan lain. Hal ini sangat jelas mencerminkan bahawa semangat nasionalisme Indonesia tidak jumud dengan hanya melesetarikan adat dan kebudayaan Aceh sahaja.

Islam bukanlah agama yang memaksa, bahkan agama yang menyeru manusia melakukan segala amal kebaikan. Adapun sesetengah manusia tidak menerima ia atau menerima. Jika seseorang manusia itu dapat menerima Islam sebagai pendorong hidup, maka jelaslah dia adalah orang tepat dan layak untuk menjadikan agama Islam sebagai pedoman di dalam kehidupan.

Islam dan adat kebudayaan Aceh tidak dapat dipisahkan. Seperti yang dapat dilihat dalam kesenian dan hasil kraf-tangan masyarakat Aceh, begitu banyak hasil seni yang merujuk pada simbolik Islam. Hasjmy menegaskan bahawa segala hal yang berkaitan dengan seni atau keindahan, ianya bukan hal yang terkeluar dari agama Islam. Seperti kata-kata Ali Hasjmy : “Kita tidak menolak hal-hal yang membawa kesan keindahan, kerajinan, dan ketenangan. Seni itu indah, ia dilahirkan oleh dasar keindahan dan kemuliaan.”⁶

Beliau juga dikenali sebagai seorang yang berpenampilan yang sangat sederhana. Beliau sering mengenakan kopiah yang kemas dan seorang yang bangga mengenakan pakaian adat Aceh dalam kehidupan sehariannya. Dan beliau percaya bahawa pakaian adat Aceh dapat memberikan semangat kepada si pemakainya.

Pemikiran Pendidikan

Tahap pendidikan rakyat Aceh ketika awal kemerdekaan sangat rendah. Hal ini kerana, penjajahan Belanda yang menyekat perkembangan pendidikan rakyat tempatan agar mereka dapat menguasai Aceh lebih lama lagi.

⁵ Ibid, p10.

⁶ Ibid, p11.

Namun, setelah Hasjmy dilantik menjadi gabenor, banyak kemajuan dan tindakan diambil dalam sistem pendidikan di Aceh. Beliau sangat mementingkan pendidikan dan sering menasihati generasi muda agar menitik beratkan pendidikan dan meletakkan pendidikan sebagai kepentingan dalam kehidupan. Ketika beliau bertugas sebagai gabenor, beliau menaik taraf sistem pendidikan dan melaksanakan “Konsepsi Pendidikan Darussalam”. Hal ini adalah untuk melahirkan masyarakat Pancasila yang berjiwa benar, berpengetahuan luas, dan berbudi luhur.

Walaupun selepas kepimpinan beliau, konsep dan pemikiran pendidikan yang telah dipancarkan oleh beliau masih diteruskan oleh golongan muda. Generasi muda dimasa mendatang lebih mudah untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan pendidikan kerana mendapat panduan yang komprehensif dari generasi sebelumnya.

Pemikiran Kesusasteraan

Hasjmy menunjukkan bakat beliau seawal umur 16 tahun.⁷ Ketika umurnya masih setahun jagung, beliau sudah mula menulis novel, prosa, eseи, puisi dan karangan ilmiah. Beliau sangat berpengaruh dan memberi impak yang sangat besar dalam kesusasteraan dan pernah menjadi pelopor utama kepada perkembangan jurnalisme tanah air, sebelum Perang Dunia Kedua, terutamanya di Aceh.

Pada zaman beliau, Aceh melahirkan banyak pengarang dan penulis kesusasteraan dalam pelbagai bahasa. Antaranya ialah di dalam bahasa Melayu, bahasa Aceh, dan bahasa Arab. Beliau juga dikenali sebagai seorang pemeriksa dan pemerhati teks melayu klasik. Oleh itu, beliau banyak menggunakan teks-teks tersebut bagi menguatkan lagi bukti-bukti sejarah yang terdapat di dalam karya-karya beliau. Antara contoh teks-teks tersebut ialah Hikayat Putroe Nurul A'la, Hikayat Perang Sabil, Hikayat Malem Dagang, Hikayat Pocut Muhammad, dan lain-lain lagi.

Pengaruh Islam Dalam Kesusasteraan Indonesia

Tidak dapat di sangkal lagi bahawa kesusasteraan merupakan bidang yang luas di Indonesia dan ia semestinya dipengaruhi oleh agama-agama yang dianuti oleh penduduk tempatan seperti, Islam, Buddha dan Kristian. Dalam masyarakat Indonesia, agama Islam adalah yang paling besar pengaruhnya sehingga fikrah Islam sudah sebatik dalam kehidupan mereka dan secara tidak langsung mempengaruhi penganut agama lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Islam memberi peranan dan pengaruh yang sangat meluas. Konteks pengaruh Islam dalam sastera Indonesia ini juga secara tidak langsung banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Indonesia. Apatah lagi majoriti penduduknya beragama Islam.

Islam adalah agama yang sempurna dan membawa rahmat kepada seluruh umat manusia. Demikanlah, agama yang diterima oleh Allah Swt adalah agama Islam sahaja dan bukanlah agama-agama yang lain, seperti yang di sebutkan dalam firman Allah Swt, mafhumnya:

- “Sesungguhnya agama yang diakui Allah Swt, iaitu agama Islam” (Ali Imran:19)**
“Dan sesiapa sahaja yang menganut agama bukan Islam, tidak dibenarkannya dan dia termasuk orang yang rugi di akhirat nanti” (Ali Imran: 85)
“Hari ini Aku telah menyempurnakan agamamu dan Aku telah melimpah ruahkan nikmat-Ku kepadamu, serta Aku "meredai" Islam menjadi agamamu.” (Al Maidah: 3)

⁷ Ibid, p14.

Bagi menjawab pertanyaan tentang kesempurnaan agama Islam, pengertian bahawa Islam membawa ajaran yang lengkap dan sempurna sudah ditafsirkan oleh ulama-ulama terdahulu seperti Syeikh Mahmud Syaltut dan Abdul Qadir Audah.

Kesempurnaan Islam Menurut Syeikh Mahmud Syaltut

Almarhum Syeikh Mahmud Syaltut merupakan bekas Rektor Universiti Al-Azhar, beliau menghuraikan pengertian Islam seperti berikut:

“Muhammad telah menerima dari Tuhan yang melengkapi segala kepercayaan dan perudangan Islam. Al Quran adalah sebagai sumber pertama bagi ajaran-ajaran Islam yang asas. Dari ajaran Al-Quran, difahamkan bahawa Islam mempunyai dua cabang pokok, di mana hakikat dan pengertian Islam tidak akan wujud jika tiada kedua-dua cabang ini di dalam akal, hati, dan kehidupan manusia. Dan kedua cabang itu adalah ‘akidah’ dan ‘syariah’.”⁸

Akidah

Syeikh Mahmud telah mentafsirkan bahawa akidah adalah tuntutan dan kewajipan bagi Iman pada tahap pertama sebelum sesuatu yang lain, di mana ia tidak boleh menimbulkan keraguan walaupun sedikit. Akidah juga adalah ajaran yang pertama yang disampaikan oleh rasul yang menyeru kepada seluruh umat untuk beriman dengannya. Dan ia juga adalah dakwah yang disampaikan oleh semua Rasul yang diutuskan seperti yang terkandung di dalam al-Quran.

Syariah

Menurut beliau, syariah adalah peraturan-peraturan dasar dari Allah Swt, yang diwajibkan buat manusia untuk mengamalkannya dalam menperhalusi hubungan manusia dengan tuhan, hubungan manusia dengan saudara se-Islamnya, dan hubungan manusia dengan seluruh masyarakat, hubungan manusia dengan alam semesta dan kehidupan.

Aqidah Dan Syariah Menurut Al-Quran

Pada pendapat Syeikh Mahmud Syaltut, al quran banyak menggunakan perkataan ‘Al Iman’ untuk mengatakan tentang akidah dan ‘Al A’malussolleh’ untuk Syariah. Antaranya :

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bagi mereka disediakan syurga frdaus, tempat untuk mereka tinggal abadi.” (Al Kahfi:107-108)

“Siapa sahaja yang berbuat bakti (amal soleh) baik lelaki ataupun wanita, asalkan dia beriman, maka kepada mereka akan Kami berikan kehidupan bahagia dan akan kami gandakan dengan pahala sebaik amalan mereka.” (An Nahl :97)

‘Akidah’ Batang Dan ‘Syariah’ Cabang

Dikatakan oleh beliau, agama Islam mempunyai dua asas iaitu akidah dan syariah. Demikianlah, akidah adalah pokok yang di atasnya akan dibina syariah, dan syariah adalah jejak yang diperhatikan oleh akidah. Hal ini menjelaskan bahawa tanpa akidah, syariah seperti tergantung di awangan, tidak jejak ke bumi, akarnya tidak mencengkam kekuatan maknawi yang teguh itu, iaitu kekuatan akidah yang mewajibkan orang menghormati, memelihara perundangannya serta mengamalkannya.

⁸ A. Hasjmy, 1984, *Apa Tugas Sastrawan Sebagai Khalifah Allah Swt*, PT Bina Ilmu, p34.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Hubungan Aqidah Dengan Syariah

Islam menggalakkan perpaduan antara akidah dan syariah yang membawa maksud bahawa akidah dan syariah tidak boleh dipisahkan kerana akidah di anggap sebagai pokok manakala syariah sebagai cabang dari pokok itu dan ia juga sebagai sambutan atas panggilan rasa kepercayaan di dalam hati setiap umat manusia. Perpaduan antara akidah dan syariah adalah jalan mencapai kebahagiaan dan keuntungan yang disediakan oleh Allah Swt terhadap orang-orang yang beriman. Demikian, hal ini jelas menekankan bahawa akidah dan syariah tidak boleh dipisahkan kerana mempunyai perkaitan yang kuat dan saling memerlukan.

Kesempurnaan Islam Menurut Abdul Qadir Audah

Abdul Qadir Audah ialah seorang tokoh pemimpin gerakan parti politik 'Ikhwanul Muslimin' yang terkenal. Beliau berpendapat bahawa Islam adalah akidah dan organisasi. Pada pendapat beliau, Islam adalah sebagai sebuah akidah dan ajaran tidak dapat disangkal lagi. Namun demikian, jika akidah adalah sekadar kercayaan yang dianuti semata-mata, ia tidak akan membawa erti apa-apa di dalam hidup manusia selagi mana tidak diiringi dengan organisasi yang baik dan lengkap. Organisasi ini akan menyusun segala tindak tanduk dalam kehidupan manusia dan menyusun segala kepentingan mereka dari aspek lahiriah dan batiniah. Hal ini termasuklah hubungan sosial di antara manusia mahupun hubungan mereka dengan kehidupan dunia dan akhirat.

Islam juga adalah suatu akidah iaitu kepercayaan yang membawa maksud beriman dengan Allah Swt, beriman dengan malaikat, beriman dengan rasulnya, dan beriman dengan hari akhirat. Manakala, organisasi memainkan peranan menguasai kehidupan manusia sepenuhnya dan menggariskan tujuan kehidupan manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Menurut beliau lagi, Islam juga adalah sebagai suatu organisasi yang menguasai tindak tanduk serta kata-kata dan amalan manusia sepanjang kehidupan mereka. Orang yang mengatakan bahawa Islam adalah akidah semata-mata adalah orang yang 'jahil murokab' iaitu orang yang 'bodoh melilit' kerana tidak mengetahui hakikat sebenar Islam.

Demikian Abdul Qadir menegaskan sesungguhnya Allah Swt telah menjadikan Islam sebagai agama yang di dalamnya mengandungi akidah dan organisasi. Islam adalah aqidah iaitu suatu kepercayaan yang meliputi segenap aspek kehidupan manusia baik dari kehidupan jasmani atau rohani. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ajaran Islam adalah yang paling sempurna kerana mencakupi segala bidang kehidupan manusia seperti aqidah, ibadah, mu'amalah dan memberi keyakinan kepada manusia dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial.

Manhaj Islam Ali Hasjmy

Prinsip Tauhid

Salah satu ajaran akidah yang diterapkan kepada semua orang Islam adalah prinsip tauhid, yang membawa maksud meng-Esa-kan Allah Swt dan mengakui kewujudan Allah Swt. Menurut ajaran Islam, Allah Swt adalah Tuhan yang Esa, esa dalam mencipta, esa dalam menguasai, esa dalam memimpin, esa dalam zat dan sifatnya, dan esa dalam segala-galanya.

Allah Swt tidak berhajat kepada makhluk, hanya makhluk yang berhajat kepada Allah Swt seperti firman Allah Swt, mafhumnya:

“Katakan (wahai Muhammad) bahawa Allah Swt itu Esa, Allah Swt tempat meminta segala sesuatu. Allah Swt tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu yang setara dengan Dia” (Al Ikhlas)

“Katakanlah(wahai Muhammad), “Apakah aku akan menjadi pelindung selain Allah Swt yang menjadikan langit dan bumi, padahal Dia memberi makan dan tidak diberi makan?” Katakanlah “Sesungguhnya aku diperintahkan agar aku menjadi orang yang pertama berserah diri (kepada Allah Swt), dan jangan sekali-kali kamu masuk golongan orang-orang musyrik” (Al An’am: 14)

“Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Swt, Tuhan seluruh alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya; dan demikianlah yang diperintahkan kepadaku, dan aku adalah orang yang pertama-tama berserah diri. Katakanlah (wahai Muhammad) apakah patut aku mencari tuhan selain Allah Swt padahal Dialah Tuhan bagi segala sesuatu” (Al-an’am: 162,163,164)

Contoh yang dapat dilihat di dalam kesusasteraan Indonesia dalam konsep tauhid ini ialah syair dari Hamzah Fansuri. Beliau ialah seorang ulama suluk yang masyhur pada akhir abad XVI dan awal abad XVII, dalam syair perahunya berfilsafat adalah seperti berikut:

Sampailah ahad dengan masanya,
datanglah angin dengan paksanya,
belayar perahu sidang budimannya,
belayar itu dengan kelengkapannya.

Wujud Allah Swt nama perahunya,
Ilmu Allah Swt akan.... (hilang pada asli)
Iman Allah Swt nama kemudinya,
Yakin akan Allah Swt nama pawangnya.

Taharat dan istinja nama lantainya,
kufur dan maksiat air ruangnya,
tawakkul akan Allah Swt juru batunya,
tauhid itu akan sauhnya.

Li Lah akan talinya,
Kamal Allah Swt akan tiangnya,
Assalam alaikum akan tali lenggangnya,
Taat dan ibadat anak dayungnya.

Shalat akan nabi tali bubutnya,
Istigfar Allah Swt akan layarnya,
Allah Swt akbar nama anginnya,
SubhanAllah Swt akan lajunya.

WAllah hua'lam nama rantaunya,
Iradat Allah Swt nama bandarnya,
Kudrat Allah Swt nama labuhannya,
Surga jannatan na'im nama negerinya.⁹

Seterusnya, prinsip tauhid yang digambarkan oleh Rifai Ali, seorang sasterawan yang mempunyai latar belakang agama dan mendapat pendidikan tentang agama Islam sejak dari kecil lagi. Beliau juga membesar di dalam keluarga yang taat kepada perintah Allah Swt. Rifai Ali melukiskan tentang semua keindahan pemandangan dan ciptaan ini adalah bukti bahawa adanya Allah Swt seperti puisi berikut:

Payah sungguh tukang pigura
Membikin gambar hidup bak alam;
Sarat keindahan meribu arti,
Sunguh sukar tidak terkira
Hanya baru meniru alam
Habis umur berjawat mati.

Langit biru laut pun biru,
Sinar pagi di pohon rampak,
Terhinjau gunung di tapis awan,
Barang ke mana pandang terpaku
Jelita wati pastilah tampak,
Segenap segi pantas berpadan.
O, budiku, coba rasai;
Mungkinkah seindah segaib ini
Terjadi saja tidak sengaja?¹⁰

Prinsip Persaudaraan Dan Persamaan

Hajsy menegaskan tentang prinsip persaudaraan dan persamaan antara masyarakat Islam. Ia adalah antara salah satu dari ajaran Islam merangkumi aspek sosial dan politik iaitu Persaudaraan Islam (Ukhuwwah Islamiyah) dan persamaan darjah sesama manusia (Musaawah Insaniyah).

“Bahawa sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara. Kerana itu, ciptakanlah suasana damai dalam kalangan saudara-saudaramu itu. Dan bertakwalah kepada Allah Swt, semoga kamu mendapat rahmat” (Al-Hujurat: 10)

“Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu terdiri dari lelaki dan wanita, dan telah Kamijadikan kamu ber kaum-kaum dan berbangsa-bangsa supaya saling berkenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Swt, iaitu orang yang paling bertakwa” (Al-Hujurat: 13)

Dari dalil ayat al-Quran tersebut, jelaslah bahawa Islam adalah agama yang adil kerana tidak membezakan antara umat manusia mahupun dari segi warna kulit, darjah, dan keturunan kerana di sisi Allah Swt hanya takwa yang membezakan manusia samada baik atau buruk.

⁹ A. Hasjmy, 1984, *passim*.

¹⁰ Ibid, pp42-43.

Dalam konsep persaudaraan dan persamaan ini, kesusasteraan Indonesia tidak terlepas dari terpengaruh dengan pengaruh Islam ini baik dari segi langsung atau tidak langsung. Hal ini berkembang lebih meluas, terutamanya dalam perjuangan rakyat Indonesia menuntut kemerdekaan sehingga semangat juang ini dilakar khas secara langsung dan tidak langsung oleh sasterawan Indonesia pada ketika itu.

Hajsy telah memperlihatkan beberapa contoh hasil kesusasteraan dalam mempertahankan konsep persaudaraan dan persamaan ini. Antaranya ialah Sanusi Pane, merupakan penyair Angkatan Pujangga Baru yang banyak mempelajari falsafah Hindu dan terpengaruh dengan agama Buddha, tetapi beliau tetap menerima konsep persamaan dan persaudaraan yang diagungkan oleh Islam. Sehinggakan pada suatu masa jiwanya memberontak menentang perbezaan antara dua darjah seperti yang diamalkan oleh agama Buddha. Hal ini dapat dilihat secara jelas di dalam puisi beliau :

NASIB

Gemilang dunia dia bawah langit,
Langit biru indah Nirmala,
Aku asik memandang alam,
Alam bermain sendirinya.

Tapi kulihat seorang istri,
Istri mendukung anak ceding,
Kain buruk menutup tubuh,
Tubuh yang kotor, kurus kering.
Semenjak itu aku bertanya,
Bertanya terus di dalam hati,
Apa sebabnya nasib berlain,
Mengapa berlain hamba Ilahi?¹¹

Hajsy juga turut merasai penderitaan rakyat jelata dan sama-sama juga merasa bahagia jika rakyat hidup dalam suasana bahagia. Beliau juga menegaskan bahawa pentingnya perpaduan rakyat bagi mencapai kemerdekaan Indonesia dan roh kebersamaan dalam masyarakat. Hal ini dinukilkikan di dalam sajaknya:

UNTUK BERSAMA

Biar hujan tidak turun,
Kalau hanya menyirami ladangku,
Biar tak ngembang sekar suhun,
Kalau hanya di tamanku.

Baik purnama tidak terbit,
Jika tidak bersama korongku,
Apalah guna bulan sabit,
Jika tak menyuluh seluruh negeriku.
Dimanakah kan dapat mengecap nikmat,
Jika tidak bersama korongku,
Di manakah bisa merasa rahmat,

¹¹ Ibid, p51.

Jika tetangga sengsara selalu?

Baru damai jiwaku, diri,
Waktu lah senang rakyat bangsaku,
Di situ dapat bahagia sejati,
Dalam kemuliaan Tanah Airku.

Aku berijtihad untuk bersama,
Untuk kemakmuran tumpah darahku,
Biar kukorban segala yang ada,
Biar pembangkit syiar Wathanku.

Rela badanku hancur binasa,
Tulang berderai di dalam kubur,
Asal selamat umat berjuta,
Serta negeri jadi masyhur.
Mulia negeri, mulia bangsa,
Tujuanku dalam perjuangan,
Menghidupkan semangat agama,
Itulah maksudku, gerangan¹²

Prinsip Keadilan

Selain dari prinsip tauhid dan prinsip persamaan dan persaudaraan, Hasjmy juga mempamerkan tentang pentingnya prinsip keadilan bagi memperjuangkan hak rakyat yang tertindas dari segi politik dan ini dikategorikan sebagai salah satu cabang jihad di jalan Allah Swt.

Islam juga menyamakan erti “perjuangan membela rakyat tertindas” dengan “peperangan fi sabilillah” dan ini menunjukkan betapa pentingnya berjihad demi membela hak orang yang lemah menurut pandangan Islam seperti yang disebutkan dalam ayat al Quran berikut:

“Apa sebab kamu tidak mahu berperang di jalan Allah Swt untuk membela rakyat tertindas, yang terdiri dari lelaki, wanita dan anak-anak yang dengan suara sayup bermohon: Wahai Tuhan, bebaskanlah kami dari negeri yang berpenduduk durjana ini, dan kirimkanlah kepada kami seorang pemimpin sejati” (Surah An-Nisa: 75)

Allah Swt juga melarang mengherdik mahupun menghina anak yatim piatu dan para pengemis bahkan menyuruh para hartawan untuk membantu rakyat yang fakir:

Terhadap anak yatim, janganlah dibentak; terhadap pengemis janganlah diherdik; dan pamerlah kekayaan rahmat Allah Swt (dengan membantu rakyat melarat)” (Surah Ad-Dhuha: 9-11)

Bagi orang yang tidak menghiraukan pendidikan dan penjagaan anak-anak yatim, Allah Swt menggelarkan mereka sebagai pendusta agama:

¹² A.Hasjmy, 1984, *passim*, p52.

**“Tahukah engkau (wahai Muhammad) siapa itu pendusta agama? Iaitu orang yang mengherdik anak-anak yatim dan tidak mendorong memberi makan kepada orang miskin”
(Al-Maun: 1-3)**

Perjuangan membela hak rakyat ini secara langsung dan tak langsung telah meresap masuk dalam dunia kesusasteraan Indonesia. Ia juga turut membuka luas mata dan mengetuk hati rakyat Indonesia yang sedang berjuang untuk mendapat kemerdekaan tanah air. Secara tidak disedari ataupun tidak, ajaran Islam ini juga turut membekaskan kesan kepada jiwa para sasterawan Indonesia dan menzahirkannya pada seluruh hasil karya mereka. Antaranya ialah:

Penyair Islam yang berjiwa patriotik iaitu Rifai Ali yang berjiwa kebangsaan dan semangat jihad yang tinggi, beliau melukiskan perjuangan Adam dalam kehidupan dengan perjuangan yang tidak kenal erti rehat, penat dan lelah:

JIHAD

Siang malam, terang dan kelam!
Sejak dunia mula tersimbah,
Perjuangan sesama bani Adam,
Tidak beranjak, tidak berubah,
Dari jelmaan batin di dalam:
Antara niaya dan maslahah.

Selama bumi berputar sumbu,
Siang malam ganti berganti,
Adat dunia sejak dahulu,
Jihad tidak pernah terhenti;
Selama zalim terus berlaku,
Bakti menentang rela mati.

Siang malam silih menyilih,
Selama alam fana bawaan,
Selagi di sini boleh memilih,
Bantu angkara pandukan setan;
Orang beriman biar disembelih,
Asal tetap di pihak Tuhan.
Biarlah malam berjalan lambat,
“Usah merasa lemah diri!
Kamu inilah yang paling tinggi;
Allah Swt di pihakmu sampai kiamat;
Dia tidak lupakan bakti”

Selama malam tidakkan siang!
Fajar sudah menabir langit,
Selama kalah tidak kan menang!
Cukup lama menahan sakit,
Ansarullah! terus berjuang,
Bintang baik sudah terbit!¹³

¹³ A.Hasjmy, 1984, *passim*, p57.

Pada awal revolusi, Hasjmy melukiskan perjuangan rakyat Aceh :

KISAH BERDARAH

Adik manis,
Masih ingatkah engkau
Sebuah kisah berdarah:
Bumi tercinta sirah memerah,
Keringat pahlawan berhamburan,
Bangsa bangsa berguguran,
Musuh rubuh bergelimpangan?

Sekarang adikku,
Kisah lama bicara pula,
Itu musuh datuk kita
Datang bawa kehidupan
Dalam lipatan kematian,
Senjata mereka berpencar
Beredar mengantar surga.


Adikku sayang,
Lepaskan abang pergi,
Genderang perang lah berbunyi,
Tidak perlu sedan-sedan.
Tunggu, nanti abang pulang
Bawa surga kemenangan
Untuk kita berdua,
Juga untuk semua.¹⁴

Kesimpulan

Kesimpulannya, Hasjmi ialah seorang tokoh yang mahir dalam pelbagai bidang kerana beliau bukan sahaja seorang sasterawan, bahkan seorang ahli politik dan juga pernah dianggap sebagai pahlawan Aceh yang mempertahankan adat selagi tidak menyalahi agama Islam. Beliau juga seorang yang sangat menitik beratkan unsur Islam di dalam kesusasteraan Indonesia. Antara prinsip Islam yang diperjuangkan oleh Hasjmi adalah prinsip tauhid, prinsip persamaan, dan prinsip keadilan. Jadi, sebagai khalifah Allah Swt, kita haruslah meneladani prinsip Islam yang diperjuangkan oleh Hasjmi lebih-lebih lagi di dalam bidang sastera.

¹⁴ Ibid, p60.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved



Rujukan

Al Quran Al Karim

Fatayat Mauliza, Di ambil pada: 8 Mei 2019, **Konsep Dakwah Ali Hasjmy**, Academia A. Hasjmy, 1984, **Apa Tugas Sastrawan Sebagai Khalifah Allah Swt**, PT: Bina Ilmu